

15 JUL 2002

Nik Aziz-Maki

SENGKETA BERPUNCA DARIPADA KEENGGANAN UMNO TERIMA DASAR ISLAM

KOTA BAHARU, 15 Julai (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata Pas bersengketa dengan Umno kerana Umno enggan menerima al-Quran dan Hadis sebagai dasar utama perundangan negara.

"Benda ini berlaku sejak 1951 lagi, sejak Pas ditubuh. Puncanya ialah Pas minta satu sahaja iaitu pastikan bahawa perundangan yang berjalan di Malaysia ini mengikut Islam.

"Ditulis dalam pelebagaan parti dan dalam pelebagaan negara bahawa sumber utama perundangan negara adalah al-Quran dan Hadis. Tidak boleh kita perintah negara mengikut sesuka hati mengikut sistem disebut sekular dan demokrasi," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta pemimpin Pas menyatakan dengan jelas sebab mereka bertindak memaki hamun Umno.

Nik Aziz berkata pengumuman kerajaan Barisan Nasional (BN) bahawa Malaysia kini negara Islam secara rasmi tidak mencukupi kerana ia diakui sendiri oleh Dr Mahathir bahawa pelaksanaannya dibuat tanpa sebarang perubahan.

"Ertinya Umno dulu dan Umno sekarang serupa," katanya.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata perbalahan antara dua parti Melayu itu akan berakhir secara automatik apabila Umno yang menguasai kerajaan pusat mengubah dasar pelebagaan negara berasaskan kepada al-Quran dan Hadis.

"Bila Umno terima permintaan ubah dasar daripada sekular kepada dasar al-Quran dan Hadis tak ada timbul masalah lagi," katanya.

Pada masa itu Pas tidak akan meneruskan perbuatan memaki hamun Umno dan pemimpinnya seperti mana sekarang kerana: "Maki buat apa lagi bila Umno dah terima al-Quran. (Masa itu) Umno dan Pas sama saja. Takkan Pas nak maki Pas, serupalah Pas tak makilah Umno".

Ketika ditanya sampai bila sengketa antara Pas dan Umno akan berterusan, Nik Aziz berharap suasana itu tidak berterusan apabila Umno akhirnya menerima dasar Islam itu.

Beliau juga berkata ada kalangan pemimpin Umno wajar menerima maki hamun kerana tindakan mereka melawan Pas dengan cara tidak mengikut demokrasi.

"Sudahlah tak boleh terima dasar Islam, dia lawan pula kita dengan habis-habisan, dengan ISA, dengan tak beri ceramah. Padanlah kena maki pun," katanya.

Menurutnya Pas sebagai parti politik mempunyai hak untuk mengadakan ceramah.

"Pas dan Umno ini sama-sama ada saham dalam jaga Malaysia ini. Kenapa dia (Umno) tak bagi saham kita. Hak dia pun dia, hak kita pun hak dia, mana boleh," katanya.

-- BERNAMA

RAR NMO